

## Pelajar OKU ditawarkan biasiswa RM20j

Oleh **Serimah Mohd Sallehuddin** - Januari 31, 2024 @ 11:00am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Ras Adiba (duduk, kiri) bersama Marie Lim bergambar ketika majlis pertukaran dokumen perjanjian sempena Hari Terbuka Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing bersama OKU di Cyberjaya, baru-baru ini. - NSTP/Mohd Fadli Hamzah

KUALA LUMPUR: Bagi memberi peluang kepada golongan orang kelainan upaya (OKU), ahli keluarga, guru dan golongan B40 menyambung pengajian di puncak menara gading, Universiti Kreatif & Teknologi Lim Kok Wing (LUCT) menawarkan biasiswa bernilai RM20 juta kepada golongan itu.

Presiden OKU Sentral, Datuk Ras Adiba Radzi, berkata mereka yang berminat menyambung pengajian, namun terhalang oleh pelbagai kekangan, boleh memohon biasiswa itu.

"OKU Sentral amat bersyukur apabila LUCT menawarkan biasiswa ini.

"Kami tidak mahu golongan OKU tersisih dan ketinggalan zaman. Kami ingin mereka tahu bahawa keterbatasan bukanlah halangan untuk menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi.

"Kami sedar ramai mahu menyambung pengajian di menara gading, tetapi tak berpeluang berikutan syarat permohonan di institusi pengajian lain ketat menjadi halangan. Jadi, peluang ini tak seharusnya dilepaskan.

"Selain golongan OKU, biasiswa ini juga terbuka untuk ahli keluarga dan guru yang pernah menjaga golongan berkenaan serta golongan B40 supaya mereka yang mungkin tak berpeluang menyambung pengajian kerana sibuk menguruskan ahli keluarga OKU dapat meneruskan cita-cita," katanya yang berterima kasih kepada LUCT kerana memberi peluang kepada golongan OKU.

Ras Adiba ditemui di Hari Terbuka Pendidikan OKU di LUCT berkata, usaha sama antara OKU Sentral dan LUCT mencetuskan sejarah baharu kerana buat kali pertama hari terbuka pendidikan diadakan untuk ahli keluarga OKU bagi mendapatkan penerangan lebih terperinci mengenai biasiswa dan kursus ditawarkan.

Beliau turut menzahirkan tanda terima kasihnya kepada Ketua Kumpulan Jenama LUCT, Datuk Tiffanee Marie Lim kerana mewujudkan biasiswa berkenaan, sekali gus menyelami masalah membelenggu golongan kurang bernasib baik itu.

"Saya berterima kasih kepada Marie Lim kerana selain menawarkan biasiswa, beliau bersama abangnya jugalah mencetuskan idea agar biasiswa ini turut diberikan kepada ahli keluarga terdekat kerana tidak mahu mereka tersisih.

"Saya berharap mereka yang ingin teruskan pengajian ambil peluang ini kerana ia satu peluang cukup besar dan dapat memperkasakan diri," katanya.

Sementara itu, Marie Lim berkata, melihat kesungguhan Ras Adiba yang memperjuangkan dan sentiasa tampil wakil golongan OKU membuatnya terpanggil menawarkan biasiswa berkenaan.

"Saya tahu Ras Adiba dan mendiang bapa, Tan Sri Lim Kok Wing menjalin hubungan sangat baik. Selepas pemergian bapa, saya merasakan perlu terus berhubung dengan Ras Adiba kerana saya sangat mengagumi kesungguhannya dalam memperjuangkan nasib golongan OKU.

"Jadi sebagai institusi pengajian yang memahami nasib golongan OKU dan ahli keluarga yang mungkin merasakan diri dibuli, tidak mendapatkan hak sama rata, kami tawarkan biasiswa ini supaya mereka juga dapat merasakan kehidupan seperti insan normal lain," katanya.

Antara kursus ditawarkan di peringkat sijil, diploma dan ijazah ialah Fakulti Teknologi Kreatif, Fakulti Pengurusan dan Komunikasi, Fakulti Asas Pembelajaran dan Bahasa serta Fakulti Kejuruteraan dan Seni Bina.